PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 21/12/2012 |

# Negara mampu duduki lima terbaik dalam FDI

BH-21/12/12

**Sintok:** Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yakin potensi ekonomi negara berada pada landasan tepat untuk mencapai kedudukan antara lima negara terbaik dunia dalam indeks pelaburan langsung asing (FDI).

Untuk itu, beliau mahu 1.4 juta penjawat awam terus berganding bahu menyokong kerajaan untuk memastikan agenda yang dirangka dapat dilaksana sebaik mungkin.

Muhyiddin berkata, usaha sama mereka terbukti menjadi pendorong utama sehingga negara kini dilonjakkan pada kedudukan ke-10 terbaik dunia melalui laporan FDI, berbanding di tangga ke-21 tahun lalu.

Selain itu, katanya, laporan Doing Bussiness oleh Bank Dunia mengiktiraf prestasi negara yang berjaya melonjak dari kedudukan ke-18 pada tahun lalu kepada kedudukan ke-12 tahun ini.

## Pencapaian luar biasa

"Ini pencapaian amat luar biasa, apatah lagi Malaysia disenarai antara tiga negara Asia bersama Korea dan Hong Kong yang dilapor bertambah baik, sedangkan negara lain sebaliknya.

"Ini bukti hasil kerjasama sesama kita. Ia bukan untuk saya, tetapi untuk semua rakyat termasuk penjawat awam. Kalau penjawat awam tidak bekerja, mustahil kita dapat mencapai kedudukan ini," katanya ketika berucap di hadapan lebih 4,000 penjawat awam, di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini semalam.

Muhyiddin berkata, komitmen semua penjawat awam amat diperlukan kerana gandingan dan kerjasama rapat penting untuk menterjemah setiap dasar yang digubal sebaik mungkin.

"Lapan tahun akan datang menuju negara maju melalui Wawasan 2020 pasti akan lebih mencabar. Namun, kita percaya jika bersatu, sasaran melonjak ke kedudukan yang lebih baik dapat dicapai," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran ketika lawatannya ke Kedah semalam turut meluangkan masa menghadiri perbincangan tertutup bersama barisan guru sekolah agama rakyat dan pondok seluruh Kedah, di Sekolah Menengah Agama (SMA) Taufikiah Khairiah al-Halimiah di Padang Lumat, dekat Yan.

Dalam majlis yang dihadiri lebih 2,000 orang itu, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan peruntukan projek pembangunan berjumlah RM740,000 membabitkan RM50,000 kepada setiap 12 sekolah pondok, selain RM20,000 bagi setiap tujuh sekolah tahfiz. Hadir sama bekas Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Datuk Mohd Muslim Othman.

Muhyiddin yang turut menyertai majlis tahlil di sekolah berkenaan, kemudian mengimamkan solat Maghrib di surau sekolah itu.

> ***"Lapan tahun akan datang menuju negara maju melalui Wawasan 2020 pasti akan lebih mencabar.*** *Namun, kita percaya jika bersatu, sasaran melonjak ke kedudukan yang lebih baik dapat dicapai"*
>
> ***Muhyiddin Yassin,*** *Timbalan Perdana Menteri*

# MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

*Bandar Pelancongan & Maritim*

Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan

Pej : 05-6871363 / 6871365 / 6871310 Fax : 05-6882102

Web : www.mpm.gov.my Emel : ydp@mpm.gov.my


PERAK

## BIL CUKAI TAKSIRAN 2013 ( PENGGAL PERTAMA)

BAYARAN DITERIMA TANPA PREJUDIS

**NAMA DAN ALAMAT SURAT - MENYURAT PEMILIK**

T030024571-1 Seq: 52004 KOD: 856 00070

ROSIAH BTE HAMZAH
NO 78
LORONG 16
TAMAN MAWAR
34700 SIMPANG
PERAK DARUL RIDZUAN

012-351 0445

012-614 6504

| | | |
|---|---|---|
| NOMBOR BIL | : | T0300245711 |
| NOMBOR AKAUN | : | T030024571-1 |
| TARIKH BIL | : | 01/01/2013 |
| TARIKH AKHIR BAYARAN | : | 28/02/2013 |
| TEMPOH | : | JAN - JUN 2013 |

**ALAMAT HARTA DAN JENIS BANGUNAN**

NO 110
JALAN SITIAWAN BRUAS
32700 BRUAS
RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT

**PERIHAL HARTA**

| | | |
|---|---|---|
| NOMBOR LOT | : | 9247 |
| NOMBOR PT | : | |
| NO. HAKMILIK | : | |

| PERIHAL TAKSIRAN | BUTIRAN TERPERINCI | PENGGAL 1 (RM) | SETAHUN (RM) |
|---|---|---|---|
| NILAI TAHUNAN (RM) 240.00 | CUKAI TAKSIRAN | 10.20 | 20.40 |
| KADAR (%) 8.50 | TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN | 10.20 | 10.20 |
| TAKSIRAN TAHUNAN (RM) 20.40 | | | |
| BAYARAN TERAKHIR 26/03/2012 | JUMLAH BIL | 20.40 | 30.60 |
| | *TANDAKAN PILIHAN ANDA* | *JAN - JUN* ☐ | *JAN - DIS* ☐ |

1. Untuk cara pembayaran dan maklumat lanjut, sila rujuk halaman sebelah.
2. Sila abaikan bil ini jika bayaran telah dibuat. Bayaran diambil kira sehingga 29 November 2012 dan tidak termasuk bayaran di Pejabat Pos dan Perbankan Internet.
3. Sila maklumkan kepada pihak Majlis sekiranya terdapat pertukaran pemilik harta atau alamat surat - menyurat.
4. Hanya resit yang di cetak oleh mesin pencetak Majlis Perbandaran Manjung dan mesin - mesin lain yang diiktiraf sahaja diakui sah dan sila pastikan resit bayaran diperolehi.
5. Sertailah komuniti mySMS 15888 MPM. Untuk keterangan lanjut, layari laman web MPM ( www.mpm.gov.my ) atau laman web mySMS ( www.mysms.gov.my ).
6. MPM telah membuka Kaunter Pandu Lalu untuk kemudahan membuat bayaran bil Cukai Taksiran, bil Sewaan dan Kompaun Tempat Letak Kereta.

24/12/2012

---

BAYARAN DITERIMA TANPA PREJUDIS Jangan Ceraikan Keratan Ini

BIL CUKAI TAKSIRAN 2013 (PENGGAL PERTAMA)

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

**NAMA PEMILIK DAN ALAMAT HARTA**

ROSIAH BTE HAMZAH (012-3510445)
NO 110
JALAN SITIAWAN BRUAS
32700 BRUAS

012-614 6504


| PERIHAL TAKSIRAN | BUTIRAN TERPERINCI | PENGGAL 1 (RM) | SETAHUN (RM) |
|---|---|---|---|
| NILAI TAHUNAN (RM) 240.00 | CUKAI TAKSIRAN | 10.20 | 20.40 |
| KADAR (%) 8.50 | TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN | 10.20 | 10.20 |
| TAKSIRAN TAHUNAN (RM) 20.40 | | | |
| BAYARAN TERAKHIR 26/03/2012 | JUMLAH BIL | 20.40 | 30.60 |
| | *TANDAKAN PILIHAN ANDA* | *JAN - JUN* ☐ | *JAN - DIS* ☐ |


T030024571-1 20.40 30.60

MPM 52001-54000.csv 52004 1052004